



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA JAWATAN KOSONG

Majlis Peperiksaan Malaysia ialah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap seperti berikut:

Jawatan	Gred	Klasifikasi	Kumpulan Perkhidmatan	Jadual Gaji Perkhidmatan	* Elaun
Pegawai Peperiksaan	DG1-1	Perkhidmatan Pendidikan	Pengurusan dan Profesional	T1 RM1925.00 - T20 RM6220.00	TKA : RM300.00 ITP : RM250.00 BSH : RM300.00

* ITKA: Imbuhan Tetap Khidmat Awam ITP: Imbuhan Tetap Perumahan BSH: Bantuan Sara Hidup

A. SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DG1-1

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG1-1:T1); atau
 - Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG1-1:T2); atau
 - Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG1-1:T2); atau
- Pengkhususan yang diperlukan adalah dalam bidang **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Ekonomi atau Pengajian Perniagaan**.
 - Calon hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B. CARA MEMOHON:

- Borang Permohonan MPM 1 boleh diperolehi daripada **Majlis Peperiksaan Malaysia, Bahagian Pengurusan Personel dan Pentadbiran, Bangunan MPM, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** atau mencetak sendiri daripada laman web www.mpm.edu.my. Borang ini juga boleh difotostat.
- Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar ukuran pasport, salinan sijil persekolahan, dan lain-lain sijil berkaitan serta salinan kad pengenalan.
- Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan yang terkini.
- Nama jawatan yang dipohon hendaklah ditulis pada sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah di hantar kepada:
**Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
(u.p: Bahagian Pengurusan Personel dan Pentadbiran)**

C. CATATAN AM:

- Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman secara bersurat akan dikeluarkan oleh pihak Majlis Peperiksaan Malaysia bagi permohonan yang tidak berjaya.
- Sebarang permohonan yang lewat, tidak lengkap, dan tidak mematuhi syarat akan ditolak dan dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: **3 FEBRUARI 2012**

For client's approval

18 cm x 4 col

////////////////////////////////////